



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI MELESEN (C.2-3 EB.4)  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI MELESEN  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
C.2-3 EB.4 (\$1,450 - \$2,620 EB KHAS \$2,690 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Automobil / Information Tecnology (IT) / Mekanikal atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai pengalaman praktikal dalam bidang Automobil atau kerja-kerja membuat dan membaca pelan kenderaan adalah kelebihan.
3. Mempunyai pengetahuan mengenai Undang-Undang dan Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya.
4. Mempunyai Lesen Memandu Kelas satu (01), tiga (03) dan lima (05) yang sah (Tidak mansuh).
5. Berkebolehan memahami, menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Meluluskan permohonan pendaftaran kenderaan dan mengeluarkan buku pendaftaran mengenainya;
2. Mengesahkan semua butir-butir dalam borang-borang pendaftaran dan permohonan Lesen Kenderaan Baru adalah betul dan mengikut peraturan dan syarat, terutama bagi kenderaan-kenderaan perniagaan awam;
3. Mengendalikan urusan bilangan pendaftaran kenderaan lama dan memberikan bilangan pendaftaran baru;
4. Mengeluarkan lesen-lesen kenderaan '*Vehicle licence*' bagi kenderaan persendirian dan kenderaan komersial;
5. Mengesahkan tukar milik dan pengubahsuaian kenderaan dan sebagainya;
6. Membuat arahan kepada Pemeriksa Kereta untuk memeriksa kenderaan-kenderaan persendirian dan kenderaan-kenderaan perniagaan bagi tujuan melesen atau mendaftar, ubah suai dan sebagainya;
7. Membuat surat-surat panggilan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang didapati menyalahi Akta dan Peraturan Lalu lintas;
8. Membuat arahan kepada Penolong Pemeriksa Kereta untuk menguji pemandu yang membuat kesalahan di bawah Undang-Undang dan Peraturan Lalu lintas;
9. Membuat surat-surat panggilan kepada pemandu-pemandu yang menyalahi Undang-Undang dan Peraturan Lalu Lintas;
10. Mengesahkan permohonan dan mengeluarkan lesen memandu;
11. Menghadiri perbicaraan di mahkamah bagi tujuan memberikan keterangan jika diperlukan; dan
12. Menerima arahan daripada pegawai atasan dari semasa ke semasa.